

**Digital SME  
2024 Kempen Pelanggan Rujuk  
Pelanggan**

**Terma dan Syarat**

## **1. Terma Am**

1.1 Kempen "DSME Pelanggan Rujuk Pelanggan" ("Kempen") dianjurkan oleh Alliance Bank ("Bank") dan akan berlangsung dari 1 July 2024 hingga 30 September 2024 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) atau tarikh lain yang mungkin ditetapkan oleh GXBank dari semasa ke semasa dengan notis awal kepada anda ("Tempoh Kempen").

1.2 Dengan menyertai Kempen ini, anda bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Kempen "DSME Pelanggan Rujuk Pelanggan" ini ("Terma dan Syarat") dan bersetuju bahawa sebarang keputusan yang dibuat oleh Alliance Bank berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat.

## **2. Kelayakan**

2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu Alliance Bank ("Peserta Layak", "anda", atau "kamu") yang sama ada telah membuka Akaun Semasa Perniagaan atau memiliki pembiayaan dengan Alliance Bank.

2.2 Individu-individu berikut tidak layak untuk menyertai Kempen ini:-

(a) Pelanggan di mana Akaun Semasa Perniagaan mereka ditamatkan, ditutup, digantung, lewat bayar atau dijalankan secara tidak memuaskan seperti yang ditentukan oleh Alliance Bank dalam Tempoh Kempen;

(b) Individu yang menjadi tidak waras, meninggal dunia, diisyiharkan muflis, atau mempunyai tindakan undang-undang apa pun yang diambil terhadap mereka.

## **3. Mekanik Kempen**

3.1 Menurut Kempen ini, Pelanggan yang Layak boleh menghantar rujukan dalam sebarang bilangan kepada Alliance Bank's DSME Sales Specialist atau Relationship Managers. Individu yang Dirujuk, dimana setiap seorang daripada mereka mesti adalah individu dan bukan pelanggan sedia ada Alliance Bank. Untuk mengelakkan keraguan, pelanggan yang layak tidak boleh merujuk dirinya untuk Kempen ini.

3.2 Dengan menghantar rujukan, Pelanggan yang Layak dianggap telah bersetuju untuk mengambil tanggungjawab penuh atas tindakan mereka sendiri dan tindakan Individu yang Dirujuk atau pihak ketiga yang berkongsi atau telah berkongsi rujukan dari Pelanggan yang Layak.

3.3 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk untuk mengambil

tanggungjawab penuh ke atas sesiapa yang dihantar rujukan dan Alliance Bank tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menerima sebarang liabiliti dalam apa jua sifat dan walau bagaimanapun timbulatau dialami oleh Pelanggan yang Layak, Individu yang Dirujuk atau mana-mana pihak ketiga yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini.

#### **4. Ganjaran Kempen**

4.1 Pelanggan yang Layak akan layak menerima Ganjaran Kempen beberapa kali, satu (1) untuk setiap Rujukan Berjaya semasa Tempoh Kempen.

\*(Rujukan berjaya ditakrifkan sebagai apabila pihak pemohon (yang dirujuk) menerima tawaran pinjaman, dan pembayaran dilakukan)

4.2 Bagi setiap Rujukan Berjaya, Pelanggan yang Layak akan menerima ganjaran sebanyak RM200 TnG eWallet reload pin.

4.3 RM200 TnG eWallet reload pin akan dihantar kepada Pelanggan Layak melalui e-mel pada bulan berikutnya selepas pembayaran pinjaman kepada rujukan berjaya.